



RUMAH TAMU UPM

Selamat Datang ke Rumah Tamu Universiti Putra Malaysia (UPM)

Kami terletak di dalam Kampus Utama UPM Serdang yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan penginapan untuk para tetamu kami. Lokasi yang berdekatan dengan [Perpustakaan Sultan Abdul Samad](#) dan Bangunan Putra Canselori serta fakulti-fakulti utama di kawasan akademik menjadikannya penginapan yang ideal untuk para tetamu kami.


Sepanjang semester berlangsung kemudahan penginapan ini dikhaskan untuk pelajar-pelajar sarjana muda atau pelajar mobility. Semasa cuti semester kemudahan penginapan ini akan dibuka untuk disewa kepada tetamu penyelidik university, pelawat antarabangsa dan orang ramai.

Rumah Tamu UPM terdiri daripada enam pangsapuri empat bilik tidur dan lima pangsapuri dua bilik tidur, sebuah homestay serta enam buah unit studio. Setiap pangsapuri dan homestay kami boleh memuatkan seramai 4-6 tetamu manakala unit studio memuatkan 2 orang tetamu

Kemudahan asas disediakan seperti penghawa dingin, bilik mandi dilengkapi pancuran mandian air panas, dapur kecil lengkap dengan keperluan peti sejuk, ketuhar gelombang mikro, periuk induksi, cerek elektrik dan sinki, sesuai untuk masakan ringan sahaja. Tetamu kami bertanggungjawab menjaga kebersihan dan kemudahan yang disediakan sepanjang tempoh penginapan. Penginapan jenis studio dilengkapi penghawa dingin, peti sejuk dan cerek elektrik untuk kemudahan tetamu kami.

Perkhidmatan WiFi tersedia tanpa sebarang kos kepada tetamu kami. Perkhidmatan dobi berbayar layan diri turut disediakan. Untuk keperluan menjamu selera terdapat dua buah kafe berdekatan. Kemudahan ruang meletak kenderaan turut disediakan.

Pendaftaran



Pendaftaran masuk bermula pada jam 3.00 petang hingga 4.00 petang sahaja. Pemulangan kunci penginapan boleh dilakukan di Pejabat Am Rumah Tamu UPM tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tarikh akhir penginapan anda.





Daftar Masuk : 3.00 p.m – 4.00 p.m*
Daftar Keluar : 12.00 p.m*

**Bayaran tambahan akan dikenakan untuk pendaftaran masuk awal atau pendaftaran keluar lewat.*

Tempahan Penginapan



BAGAIMANA MEMBUAT TEMPAHAN PENGINAPAN?

1. Hubungi melalui Bahagian Perumahan & Penempatan UPM  upmguesthouse@upm.edu.my atau ditalian  03-9769 7335
2. Tempahan atas talian melalui laman sesawang Bahagian Perumahan dan Penempatan 
<https://bpp.upm.edu.my/> di  <http://bit.ly/UPM-GuestHouse> (emel pengesahan akan dihantar selepas tempahan diterima). Proses permohonan pengesahan tempahan ialah 4 hari bekerja.
3. Bayaran* boleh dibuat melalui:
 - i. Kad kredit/debit di Pejabat i-Putra semasa waktu pejabat (Isnin- Khamis: 3 petang – 4.00 petang; Jumaat: 1.45 petang – 4 petang)
 - ii. Kaunter Bank CIMB/transaksi dalam talian ke akaun **KIRA KIRA AM UPM: 8002151963**(Tetamu kami perlu menghantar Salinan slip pembayaran selewatnya 1 minggu sebelum tarikh pendaftaran masuk)

*Tiada yuran tempahan, tetapi pihak kami berhak mengenakan yuran penginapan satu malam bagi pembatalan lewat (pembatalan yang dibuat satu hari bekerja sebelum ketibaan) atau bukan ketibaan.

Sewaan




Type of Package	Type of House	Price	
		Daily	Monthly
Normal Rate	Studio Unit	RM80	-
	Apartment Unit	RM178	-
Male Apartment	Sharing Room	RM17	RM500
Female Apartment	Single Room	RM17	RM500
	Sharing Room	RM14	RM400

Kebolehcapaian



Rumah Tamu UPM terletak di dalam kawasan akademik utama Kampus Serdang dan menjadikanya lokasi strategik ke fakulti berhampiran, Bangunan Canselori, Pusat Antarabangsa, Bahagian Keselamatan serta cafeteria di kawasan sekitar. Tetamu kami hanya perlu berjalan 10 minit ke hentian bas Fakulti Sains.

Hubungi & Maklum Kepada Kami



Kami boleh dihubungi di atas talian berikut:



Hantarkan pertanyaan lanjut anda kepada kami melalui emel upmguesthouse@upm.edu.my atau menghubungi kami ditalian 03-9769 7335



Lawati kami di laman sesawang <https://bpp.upm.edu.my/>



Carian di atas peta boleh dijumpai dengan klik kami di <https://goo.gl/maps/gd8ffWmiXbhLNZ4d9>



Maklum kepada kami penambahbaikan yang kami boleh sampaikan kepada anda!



Scan me